

Terjemahan Fatwa Syeikh Taha Jabir al-Alwani

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Muhammad s.a.w

Aku dihadapkan dengan satu persoalan besar yang berlaku di Malaysia dua minggu yang lalu. Seseorang telah menuduh Anwar Ibrahim dengan tuduhan liwat. Sistem perundangan di Malaysia ingin memanggil pendakwa dan yang didakwa untuk bersumpah bagi membersihkan nama masing-masing. Apakah pendirian syarak dalam persoalan tersebut. Adakah orang yang didakwa, wajib bersumpah untuk membebaskan dirinya. Khususnya, seperti sumpah yang dilakukan berulang-kali dalam salah satu kes pengadilan pembunuhan yang popular dikalangan ahli Fekah.

Aku cuba menjawab (memohon petunjuk dari Allah).

Imam Ibnu Qayyim dalam kitabnya Turuq al-Hikmiyah serta ramai para ulama menolak pendakwaan orang yang tidak adil dan diragui perangai dan pernyataannya. Sesiapa yang menuduh, terutama terhadap orang yang penting dalam pemerintahan dan masyarakat dihukum sebagai qazaf (pertuduhan yang mesti mengemukakan empat orang saksi dan sekiranya gagal penuduh akan dianggap sebagai fasiq dan tidak diterima kesaksiannya). Maka pendakwa akan diperlakukan sepertimana firman Allah dalam surah An-Nur ayat 4 dan ayat 11 hingga ayat 19.

Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik (al Quran 24:4)

Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat). (24:11)

Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri. dan berkata: "Ini ialah tuduhan dusta yang nyata". (24: 12)

Sepatutnya mereka (yang menuduh) membawa empat orang saksi membuktikan tuduhan itu. Oleh kerana mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka mereka itu pada sisi hukum Allah, adalah orang-orang yang dusta. (24:13)

Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu di dunia dan di akhirat, tentulah kamu dikenakan azab seksa yang besar disebabkan kamu turut campur dalam berita palsu itu; - (24:14)

laitu semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, pada hal ia pada sisi hukum Allah adalah perkara yang besar dosanya (24:15)

Dan sepatutnya semasa kamu mendengarnya, kamu segera berkata: "Tidaklah layak bagi kami memperkatakan hal ini! Maha Suci Engkau (ya Allah dari mencemarkan nama baik ahli rumah Rasulullah)! Ini adalah satu dusta besar yang mengejutkan". (24:16)

Allah memberi pengajaran kepada kamu, supaya kamu tidak mengulangi perbuatan yang sedemikian ini selama-lamanya, jika betul kamu orang-orang yang beriman. (24:17)

Dan Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan (hukum-hukumNya); kerana Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (24:18)

Sesungguhnya orang-orang yang suka terhebah tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian). (24:19)

Sejarah pergerakan Komunis di dunia Arab secara khususnya menggunakan cara yang sama dengan melemparkan tuduhan yang keji kepada pemimpin-pemimpin berakhlak mulia dan berpegang teguh dengan Islam. Ini sebenarnya merupakan jalan mudah untuk menimbulkan keraguan dan menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap pemimpin yang dituduh. Bahkan dengan pertuduhan tersebut dapat mengembalikan kepercayaan rakyat kepada yang menuduh. Inilah sebenarnya yang dilakukan oleh Komunis di Iraq sebelum ini seperti yang dilapor oleh para pengkaji. Kerana mereka sedar modal utama kekuatan muslim adalah berpegang teguh dengan akhlak yang terpuji.

Kami merasa amat terkilan dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab terutama dalam bidang kehakiman di Malaysia. Proses penghakiman telah direndahkan martabatnya sehingga menjadi medan persaingan politik. Kami berharap kepada mereka supaya menginsafi perbuatan ini dan mengatasi masalah keruntuhan institusi politik ketika ini demi menjaga kemuliaan dan maruah negara. Tindakan mereka yang mengizinkan perkara sebegini berlaku akan memusnahkan matlamat masyarakat, keluarga, generasi dan diri sendiri.

Anwar Ibrahim pada zaman mudanya merupakan pemimpin gerakan belia muslim Malaysia (ABIM). Dan beliau telah mentadbir dan membimbing lebih dari 25 buah sekolah yang terdapat di seluruh Malaysia yang pelajarannya terdiri dari lelaki dan perempuan. Walaupun begitu, tidak pernah pun beliau dituduh sepanjang pentadbirannya. Bahkan beliau diberi kepercayaan penuh sebagai bapa dan pemimpin yang disegani. Ini berlaku pada zaman mudanya, maka, bagaimana pula hari ini dikala usianya mencecah 60an? Dan pada hari ini beliau memimpin Pakatan Pembangkang pada masa yang sama beliau merupakan suami, ayah dan datuk? Dan bagaimana pula tuduhan liwat ke atas Anwar Ibrahim oleh musuh politiknya 10 tahun yang lepas, beliau dipenjarakan tanpa pengadilan yang saksama. Hari ini,

diulangi sekali lagi pendakwaan yang keji dari manusia yang tidak diketahui status keadilan dan amanahnya dalam masyarakat.

Sesungguhnya, persoalan "sumpah" langsung tidak disebut oleh para ahli Fekah melainkan dalam kes-kes tertentu seperti kes seseorang dibunuh diantara dua buah kampung dan tidak diketahui pembunuhnya. Maka sebahagian ulama berpendapat semua penduduk kedua-dua kampung dituntut supaya bersumpah 50 kali untuk melepaskan pertuduhan. Dan sebenarnya tidak ada kaitan diantara kes ini dengan kes pendakwaan tersebut. Kes yang kita hadapi ini hanya berkaitan dengan penuduh (fasiq, zalim) yang tidak diterima kesaksiannya. Dan orang yang dizalimi tidak meminta apa-apa pun untuk membersihkan dirinya, bahkan sejarah, nama baik, dan kebenaran memadamai bagi dirinya. Kalau semua ini tidak diterima. Maka bolehlah orang-orang fasiq untuk menuduh mana-mana pemimpin Malaysia atau Perdana Menteri atau bahkan Sultan dengan tuduhan yang menghinakan sehingga jatuh maruah kesemua yang tertuduh dan dianggap sebagai fasiq dan tidak diterima kesaksiannya dalam mana-mana pengadilan.

Maka pertuduhan yang melibatkan kehormatan diri dan maruah mesti diadili dan dihakimi dengan undang-undang syarak (qazaf) seperti yang disebut di dalam surah An-Nur tadi.

Aku menegaskan sekali lagi di sini, komunis di Iraq telah menuduh pemimpin gerakan Islam syeikh Muhamad Mahmud As-sowaf dengan tuduhan yang sama. Begitu juga yang berlaku pada as-Syahid syeikh Abdul Aziz al-Badri.

Anwar Ibrahim dahulunya (di dalam UMNO) pernah memimpin pergerakan pemuda UMNO dan pernah menjadi Menteri Belia dan bertanggungjawab tentang urusan belia. Tidak pernah ada siapa pun dikalangan belia / pemuda yang bekerja di bawah Anwar Ibrahim baik di kementerian mahupun di dalam partinya yang mendakwa Anwar Ibrahim meliwat mereka, maka bagaimana pula mereka sanggup menuduh dengan pertuduhan yang keji setelah Anwar beralih ke pihak yang lain (pembangkang)? Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya dunia ini hanyalah bayangan yang pasti menghilang dan di sana akhirat yang bakal mengadili, menyiksa, menunggu manusia yang membuat kerosakan. dan pada hari itu tidak bermanfaat segala harta dan anak-pinak, melainkan mereka yang hadir dengan hati bersih lagi suci.

Aku menyeru dengan penuh pengharapan kepada barisan kepimpinan Malaysia supaya bertakwalah kepada Allah dalam mentadbir negara, rakyat khususnya anak-anak Melayu. Jauhilah dosa-dosa dalam persaingan politik, berpegang teguhlah dengan akhlak-akhlak Islam yang benar dan terpuji. Jangan sekali-kali membiarkan kepercayaan ini dihancurkan sehingga membawa kepada persengketaan dan perpecahan dalam masyarakat.

Marilah kita memohon supaya Allah menjaga negara dan masyarakat kita.